

Pemantapan wacana Islam Hadhari

Penerangan kepada bukan Melayu mengenai 10 prinsip perlu jelas, telus

B-11 16/12/06 MS15

Oleh Dr Sarjit Singh Gill

INTI PATI

GAGASAN mengenai Islam Hadhari pertama kalinya dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung Umno ke-55 pada 23 September 2004. Ketika itu masyarakat Malaysia memberi reaksi berbeza mengenai konsep sebenar dan agenda pembangunan masyarakat Islam Hadhari.

Dalam hal ini penulis melihat Islam Hadhari penting kerana menekankan 'Civilisational Islam' yang berpaksikan kepada ajaran asas agama itu. Namun, Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini jelas menunjukkan tidak ramai perwakilan menyentuh mengenai tema Islam Hadhari dalam hujah masing-masing.

Apakah perwakilan yang berbicara secara lantang terlepas pandang mengenai rancangan jangka panjang kerajaan untuk memastikan masyarakat Islam kembali mengamalkan Islam secara syumul sekali gus mementingkan kesederhanaan?

Penulis cuba melihat Islam Hadhari dari perspektif bukan Melayu. Pada hemat penulis wacana mengenai Islam Hadhari agak lesu di kalangan orang Melayu sehingga menyebabkan orang bukan Melayu semacam keliru dan mahukan penjelasan lebih lanjut mengenai agenda murni yang dibawa Perdana Menteri.

Perkara yang pasti, majoriti orang bukan Melayu termasuk kelompok minoriti seperti Orang Asli, Sikh, Peranakan Ba-

● Islam Hadhari adalah projek besar Perdana Menteri dan semua wakil rakyat bertanggungjawab memahami kandungan Islam Hadhari dan juga prinsipnya untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat.

● Objektif Islam Hadhari melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual, akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.

● Islam Hadhari amat menekankan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan dan penganut agama lain boleh memahami Islam Hadhari untuk dijadikan panduan mengikut acuan agama masing-masing.

● Penekanan modal insan oleh Perdana Menteri membawa mesej murni iaitu membangunkan masyarakat Malaysia ke arah Wawasan 2020.

● Pelbagai pihak yang bertanggungjawab menggerakkan wacana Islam Hadhari bagi mem-

dan pendekatannya tidak akan menimbulkan salah faham dan kebimbangan kepada mana-mana pihak dalam sebuah negara yang komposisi rakyatnya berbilang agama dan kaum.

Pendekatan ini juga adalah untuk memperkasakan umat Islam supaya berupaya menghadapi cabaran semasa dunia. Jelas sekali, 10 prinsip itu perlu diteliti secara mendalam oleh masyarakat untuk memahami peri pentingnya Islam Hadhari.

Sebagai seorang ahli antropologi sosial yang mengkaji mengenai komuniti minoriti Sikh di Malaysia, penulis menerima reaksi berbeza di kalangan orang Sikh mengenai Islam Hadhari. Ada yang berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai konsep dan pelbagai prinsip yang termaktub dalam Islam Hadhari.

Namun, cabaran yang dihadapi mereka adalah mendapatkan maklumat jelas mengenai Islam Hadhari. Perlu ditekankan tidak semua individu mempunyai komputer peribadi untuk mengakses maklumat secara meluas di internet.

Di sinilah letaknya peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dalam menyampaikan maklumat berterusan tentang Islam Hadhari kepada orang bukan Melayu. Penulis percaya orang bukan Melayu mempunyai pandangan berbeza mengenai Islam Hadhari.

Sehingga kini, jarang kedengaran pemimpin MCA, MIC, Gerakan atau PPP yang membahaskan mengenai Islam Hadhari,

cara langsung menekankan aspek modal insan kerana memberikan penekanan terhadap pembangunan insan. Pembangunan insan bererti pembangunan bermula daripada dalam dan diri individu atau komuniti. Pembangunan insan timbul hasil daripada kesedaran individu atau komuniti untuk maju ke hadapan dan membawa perubahan dalam hidup mereka.

Hal ini demikian kerana niat untuk maju atau progresif akan disusuli oleh tindakan (perbuatan) individu atau kelompok manusia secara kolektif (bersama) ke arah mencapai satu matlamat. Dalam aspek ini, pembangunan ummah yang ditekankan melalui 10 prinsip Islam Hadhari penting dipraktikkan masyarakat Malaysia.

Semua prinsip yang termaktub dalam Islam Hadhari memberikan mesej sejagat kepada umat manusia untuk kembali kepada ajaran agama masing-masing. Majoriti agama yang dianuti oleh masyarakat Malaysia menekankan aspek kepercayaan kepada Tuhan yang menjadi prinsip pertama Rukun Negara. Orang bukan Melayu seharusnya mengambil iktibar dan memahami konsep Islam Hadhari.

Dalam hal ini amalan toleransi agama perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Penulis menyarankan beberapa langkah dan cara untuk memberikan pemahaman mengenai konsep dan prinsip yang termaktub dalam Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Melayu. Antaranya, dialog mengenai Islam Hadhari; pertandi-

ba-Nyonya, Gurkha, Sindhia, dan Portugis masih belum jelas mengenai konsep dan prinsip asas dalam Islam Hadhari.

Namun, kalangan mereka sedar bahawa salah satu prinsip Islam Hadhari ialah mementingkan pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita. Perkara ini perlu dijelaskan secara mendalam untuk pemahaman komuniti minoriti dan kelompok terpinggir di Malaysia.

Penulis melihat ada beberapa sebab yang membawa kepada ketidakfahaman bukan Melayu mengenai Islam Hadhari. Pertama, agenda murni Perdana Menteri semacam tidak difahami oleh barisan kepimpinan negara. Jarang sekali kedengaran wakil rakyat terutama Melayu menyentuh mengenai Islam Hadhari pada majlis perasmian, pelancaran dan keramaian pada peringkat nasional dan negeri.

Perbincangan mengenai nilai integriti yang ditekankan oleh Perdana Menteri juga kurang dilaung-laungkan secara serius. Perkara ini membimbangkan kerana masyarakat Malaysia terutama orang bukan Melayu memerlukan maklumat berterusan secara jelas dan tepat mengenai Islam Hadhari.

Perlu ditegaskan, Islam Hadhari adalah projek besar Perdana Menteri dan dengan demikian menjadi tanggungjawab semua wakil rakyat memahami kandungan Islam Hadhari dan juga prinsipnya untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Objektif Islam Hadhari adalah bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual, akhlak, intelektual, material, mampu berkari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai. Objektif Islam Hadhari ini mantap, ideal dan bersifat menyeluruh.

Oleh sebab itu, objektif ini wajar dibicarakan perhatian masyarakat tanpa mengira latar belakang agama kerana Islam Hadhari

adalah satu sistem nilai yang mempromosikan semangat kerjasama dan muafakat serta toleransi agama berkekalan sepanjang masa dalam kalangan masyarakat Malaysia.

berpaksikan nilai dan norma yang positif sekali gus membentuk keperibadian dan sahsiah individu bercirikan agama.

Tambahan pula, Islam Hadhari amat menekankan pelbagai nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Tidak salah bagi penganut agama lain memahami Islam Hadhari dan dijadikan panduan mengikut acuan agama masing-masing. Perlu ditegaskan a semua ajaran agama menekankan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang murni.

Islam Hadhari menekankan aspek pembangunan ummah yang utuh dari pelbagai aspek kemajuan dan kesejahteraan sosial yang berpaksikan kepada ajaran asas Islam. Orang Melayu perlu mendapatkan maklumat mengenai Islam Hadhari dan bersedia untuk berkongsi maklumat dengan orang bukan Melayu yang masih tidak arif mengenai konsep dan 10 prinsip yang termaktub dalam Islam Hadhari.

Masyarakat Malaysia perlu memahami semua prinsip itu, iaitu:

- Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah;
- Kerajaan adil dan beramanah;
- Rakyat berjiwa merdeka;
- Penguasaan ilmu pengetahuan;
- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif;
- Kehidupan berkualiti;
- Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita;
- Keutuhan budaya dan moral;
- Pemuliharaan alam semula jadi
- Kekuatan pertahanan

Gabungan prinsip di atas dirangka menurut acuan yang diadun supaya amalan

Sejauh mana pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) memahami dan menghayati secara murni 10 prinsip Islam Hadhari?

Persoalan ini perlu diberi perhatian secara ilmiah oleh semua pihak dalam mewacanakan konsep dan prinsip Islam Hadhari. Hal ini kerana Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Misi Nasional yang digubal kerajaan memfokus kepada Islam Hadhari terutama pembinaan modal insan.

Penulis juga percaya kebanyakannya kurang jelas mengenai Islam Hadhari kerana mereka tidak dibekalkan dengan maklumat yang lengkap daripada rakan Umno. Di sinilah letaknya peranan penting Jakim dan IKIM serta jentera Umno dalam usaha menyampaikan maklumat yang lengkap kepada umum secara berpanjangan dan bukannya bermusim.

Masyarakat perlu prihatin mengenai agenda pembangunan Islam Hadhari yang murni seperti Wawasan 2020 anjuran Tun Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 yang menekankan sembilan cabaran penting ke arah sebuah negara yang benar-benar maju menjelang 2020. Penekanan modal insan oleh Perdana Menteri membawa mesej murni yang berkaitan langsung dengan Islam Hadhari, iaitu membangunkan masyarakat Malaysia ke arah Wawasan 2020. Modal insan seperti kata Perdana Menteri baru-baru ini, "Bagi saya modal insan, dari segi rakyat, mereka mesti kuat mental, fizikal dan rohani.

Ramai orang yang pandai tetapi penipu, penyangak menyalahgunakan kuasa dan rasuah. Saya tidak mahu itu. Jika anda pandai, anda mestilah orang baik". Pada hemat penulis penekanan modal insan itu perlu mencirikan personaliti unggul. Ini amat penting kerana golongan yang baik dari segi mental, fizikal dan rohani sebenarnya berupaya menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Penulis berpendapat Islam Hadhari se-

ngan menulis esei peringkat sekolah, kolej dan universiti; papan iklan yang memaparkan 10 prinsip Islam Hadhari; ruangan soal jawab Islam Hadhari dalam akhbar dan laman web; media massa, iaitu media elektronik seperti televisyen dan radio yang membahaskan Debat Perdana dengan menjemput sarjana yang mengkhusus dalam bidang agama dan masyarakat; menambah program televisyen atau radio 30 minit bersama Menteri mengenai Islam Hadhari dan brosur ringkas mengenai kandungan Islam Hadhari perlu diletakkan di stesen bas, lapangan terbang, hotel, pusat beli-belah, bank, hospital serta tempat ibadat.

Semua kaedah ini penting untuk memberikan maklumat kepada masyarakat terutama orang bukan Melayu mengenai Islam Hadhari. Perlu ditegaskan bahawa orang bukan Melayu turut mempunyai semangat ingin tahu mengenai kandungan dan mesej Islam Hadhari.

Secara keseluruhannya, penulis melihat penyebaran maklumat mengenai Islam Hadhari lebih tertumpu kepada orang Melayu sehingga melupakan atau meminggirkan orang bukan Melayu. Pelbagai pihak yang bertanggungjawab menggerakkan wacana Islam Hadhari perlu memantapkan jentera masing-masing sekali gus bersedia berkongsi maklumat bersama dengan orang bukan Melayu secara jelas dan telus.

Tujuannya penting bagi memastikan semangat kerjasama dan muafakat serta toleransi agama berkekalan sepanjang masa dalam kalangan masyarakat Malaysia yang multietnik sifatnya. Semoga tahun 2007 membuka lembaran baru kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menekankan wacana Islam Hadhari secara ilmiah.

Penulis ialah Pensyarah Antropologi dan Sosiologi di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).